

# EUFEMISME PENGURUSAN JENAZAH MASYARAKAT MELAYU SARAWAK: ANALISIS SEMANTIK KOGNITIF

*(Euphemisms in the Handling of the Dead in Sarawak Malay Community: A Cognitive Semantic Analysis)*

\**Hamidah Abdul Wahab*  
awhamidah@cls.unimas.my

Pusat Pengajian Bahasa,  
Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Samarahan, Sarawak.

*Imran Ho Abdullah*  
imranho@ukm.edu.my

*Mohammed Azlan Mis*  
whg5026@ukm.edu.my

*Khazriyati Salehuddin*  
khazudin@ukm.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.

## **Abstrak**

Makalah ini meninjau eufemisme masyarakat Melayu Sarawak dalam hal kematian, khususnya yang berkaitan dengan pengurusan jenazah. Data kajian ini diperoleh menerusi kajian lapangan yang dijalankan di daerah Kuching, Sarawak, menggunakan kaedah temu bual, rakaman dan catatan. Data dianalisis berdasarkan kerangka semantik kognitif saranan Lakoff (1987). Beberapa mekanisme kognitif

dimanfaatkan dalam analisis data seperti skema imej, metafora konsepsi dan metonimi. Dapatan kajian menyerlahkan bahawa pengkonsepsian eufemisme kematian dalam Masyarakat Melayu Sarawak banyak dipengaruhi oleh budaya berbahasa masyarakat tersebut yang mementingkan kesantunan dan kehalusan budi bahasa dalam komunikasi. Selain itu, pegangan agama Islam yang mendasari pemikiran dan amalan seharian masyarakat turut tertanam dalam pengungkapan eufemisme. Senario ini secara langsung menunjukkan bahawa masyarakat Melayu di Sarawak mempunyai bentuk bahasa tertentu dalam mengungkapkan perihal kematian, khususnya tentang pengurusan jenazah. Kajian ini menonjolkan sisi linguistik bidang semantik kognitif dalam penelitian eufemisme kematian, yang menjurus kepada Masyarakat Melayu Sarawak.

Kata kunci: eufemisme, Melayu Sarawak, kematian, semantik kognitif, budaya

#### ***Abstract***

*This paper investigates the use of euphemisms by the Malay community of Sarawak in death-related matters, particularly in the handling of the dead. Data was collected through interviews, recordings and observations involving informants in Kuching, Sarawak. The data was analysed using Lakoff's (1987) Cognitive Semantic framework. Several cognitive mechanisms were used to analyse the data such as image schema, conceptual metaphor, and metonymy. Results reveal that the conceptualisations of death euphemisms in Sarawak Malay are largely influenced by their language culture, which emphasises courtesy and decorum in communication. Additionally, adherence to Islam underlies their thinking and daily practices, and are embedded within these euphemisms. This scenario demonstrates that the Sarawak Malays make use of a specific language form in communicating matters related to death, particularly in the handling of the dead. This study focuses on the cognitive semantics aspect in investigating death euphemisms in Sarawak Malay.*

*Keywords: euphemism, Sarawak Malays, death, cognitive semantics, culture*

## PENDAHULUAN

Eufemisme atau bahasa halus dalam komunikasi dapat menjadi satu landasan untuk penutur mengungkapkan perasaan atau hasrat dalam suasana yang lebih santun dan berhemah. *Euphemism* dalam bahasa Inggeris asalnya diambil daripada bahasa Yunani, *euphemismos* yang bermaksud “bercakap dengan baik”. Perkataan ini merupakan gabungan *eu* (baik) dan *pheme* (bercakap) [www.meriam-webster.com]. Secara khusus, eufemisme ialah penggunaan perkataan atau ungkapan yang lebih sedap didengar, lebih lembut, tidak berterus terang sifatnya, dan seumpamanya untuk menggantikan sesuatu yang difikirkan kesat atau menjelikkan (Teo, 1995).

Tujuan penggunaan eufemisme tidak terhad kepada mengelak atau menutupi sesuatu yang tidak baik, tetapi juga untuk menunjukkan kehalusan budi. Misalnya eufemisme “orang balai” dan “orang dapur” masing-masingnya digunakan untuk merujuk bayi lelaki dan bayi perempuan yang baru lahir (Asmah, 2008). Penggunaan eufemisme yang bersesuaian dengan situasinya akan menunjukkan sisi kesopanan penutur kepada pihak yang dilawan bercakap dan pihak yang dicakapkan, untuk memperkatakan hal-hal yang dianggap kurang sesuai dituturkan secara langsung dan juga untuk tujuan berbudi bahasa.

Umumnya, pengguna bahasa, sama ada sedar atau tidak, menggunakan eufemisme dalam berbagai-bagai topik perbualan seharian. Topik yang dimaksudkan ini lazimnya hadir dalam kebanyakan budaya masyarakat dan dapat dinyatakan sebagai topik yang sejagat. Namun, topik atau penggunaan eufemisme ini bergantung pada budaya penggunaan dalam sesebuah masyarakat yang mengamalkan adat resam dan pegangan agama yang tersendiri. Topik eufemisme lazimnya berkait rapat dengan elemen tabu, iaitu sesuatu perkara atau hal yang dilarang atau ditegah daripada disebut secara terang-terangan. Topik ini termasuklah anggota badan dan fungsinya, seks, penyakit, hal ghaib, dan kematian (Allan & Burrige, 1991).

Bagi menunjukkan bahawa eufemisme wujud dalam masyarakat Melayu dan penggunaannya dipengaruhi oleh pandangan masyarakat Melayu itu sendiri, penggunaan eufemisme bagi topik kehamilan dijadikan contoh di sini. Dalam budaya Melayu, eufemisme seperti “berbadan dua” dan “berisi” umumnya digunakan bagi merujuk wanita yang sedang hamil. Kata “bunting” jarang digunakan kerana umum menganggapnya sebagai kata yang agak kasar dan biasanya digunakan untuk binatang (*Kamus*

*Dewan Edisi Keempat*, 2007:224). Walau bagaimanapun, dalam hal untuk merujuk wanita yang hamil pada bulan pertama berkahwin, kiasan “bunting pelamin” digunakan dan tidak pula dianggap sebagai satu bentuk bahasa yang kasar atau tabu dalam masyarakat. Senario ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa yang dianggap sesuai dengan konteks itu bergantung pada kelaziman berbahasa masyarakat penutur berkenaan.

Selain itu, wujud eufemisme yang digunakan untuk mengelak sebarang malapetaka atau malang berdasarkan kepercayaan tertentu; ini termasuklah kata panggilan tertentu bagi haiwan yang dianggap mempunyai kuasa atau semangat seperti tikus. Bagi golongan pesawah misalnya, tikus antara musuh utama tanaman dan menyebut nama haiwan ini secara langsung dianggap seolah-olah memanggil haiwan tersebut. Maka kata “tikus” diganti kepada “Cik Ti” dengan tujuan “memujuk dan menghormati” haiwan tersebut agar tidak merosakkan tanaman.

Selain topik kehamilan dan kepercayaan atau semangat terhadap benda atau hal tertentu, kematian merupakan antara topik yang sensitif bagi kebanyakan masyarakat, dan biasanya tidak diutarakan secara langsung dalam perbualan. Perbualan mengenainya, sama ada oleh pihak yang terkait secara langsung atau tidak langsung, lazimnya akan menggunakan bahasa yang beralas. Hal ini berlaku kerana penutur ingin menjaga perasaan pendengar, khususnya individu yang rapat dengan si mati yang masih dalam keadaan kesedihan, agar tidak tersinggung. Pemergian ibu, bapa, isteri, suami, anak-anak, atau sesiapa sahaja yang mempunyai hubungan rapat dengan seseorang individu sudah tentu akan menimbulkan rasa sedih, kehilangan, dan rasa tidak senang. Oleh itu, perbuatan mengungkapkan hal kematian melalui penggunaan bahasa yang lebih lembut didengar akan dapat mengurangkan ketegangan dan kepiluan yang dialami akibat kehilangan tersebut. Pengungkapan bahasa ini biasanya didorong oleh rasa timbang rasa dan prihatin oleh pihak penutur.

Kematian merupakan satu fenomena sejagat dan perbualan mengenainya serta hal-hal yang bersangkutan dengannya ditangani dengan cara yang berbeza-beza mengikut tuntutan budaya dan agama masing-masing. Hal ini selari dengan hujah Berendt (2012), yang menyatakan bahawa pengalaman berkaitan sesuatu kematian dipengaruhi oleh budaya dan masa peristiwa kematian tersebut berlaku. Seperti masyarakat umum lain, masyarakat Melayu Sarawak (MMS) turut memiliki eufemisme bagi memperkatakan hal-hal tentang kematian. Bagi masyarakat ini, agama Islam dan budaya Melayu yang diamalkan banyak mempengaruhi

persepsi dan tanggapan penutur terhadap peristiwa kematian. Daripada penelitian, didapati bahawa eufemisme dalam topik ini digunakan untuk memperkatakan hal kematian itu sendiri, iaitu untuk menyebut tentang kematian seseorang. Penggunaan eufemisme dalam topik kematian juga melibatkan pengurusan jenazah, khususnya pengebumian.

Secara khusus, makalah ini memberikan fokus terhadap eufemisme pengurusan jenazah yang wujud dalam dialek Melayu Sarawak. Dialek Melayu Sarawak merupakan salah satu medium perantaraan utama di Sarawak, selain bahasa Iban, bahasa Cina, dan bahasa Melanau (Mohammed Azlan, 2010). Sebagai dialek yang penting dalam geografi linguistik Sarawak, dialek ini mempunyai kepentingan ilmiah untuk diteliti dengan lebih mendalam, misalnya dari sudut eufemisme. Penelitian ini akan menonjolkan ungkapan eufemisme yang digunakan oleh penutur Melayu Sarawak bagi menyampaikan makna yang bersifat abstrak, khususnya tentang pengurusan jenazah. Analisis data eufemisme pengurusan jenazah dari perspektif semantik kognitif juga akan melibatkan beberapa mekanisme kognitif seperti skema imej, metafora konsepsi dan metonimi. Penerapan teori semantik kognitif ini diharap dapat menjelaskan pengkonsepsian eufemisme dalam pemikiran penutur, yang dibentuk daripada pengalaman dan budaya MMS yang berpegang pada agama Islam dan budaya Melayu.

## KAJIAN LEPAS

Kajian berkaitan eufemisme melibatkan pendekatan semantik kognitif didapati dilakukan oleh pengkaji luar negara, dengan fokus kepada topik dan lingkungan budaya tertentu. Penggunaan eufemisme tentang hal kematian dalam budaya Barat misalnya dikaji oleh Lakoff (1992), manakala Rabab'ah & al-Qarni (2012) meneliti eufemisme bahasa Arab dan membandingkannya dengan eufemisme bahasa Inggeris. Kajian Lee (2011) pula menjurus pada eufemisme dan metafora bahasa dalam masyarakat di Taiwan.

Penelitian Lakoff (1992) terhadap puisi bahasa Inggeris tentang kematian misalnya, mendapati bahawa "kematian" dapat dipersonifikasikan sebagai *drivers*, *coachmen*, *footmen*, *reapers*, *devourers*, dan lain-lain. Dapatan ini menunjukkan wujudnya satu corak sepunya untuk menggambarkan satu-satu keadaan; misalnya *event* (peristiwa) seperti "kematian" difahami sebagai hasil tindakan oleh sesuatu *agent* (agen), yang menyamai perbuatan *reaping* (menuai tanaman). Merujuk keadaan

ini, agen yang dimaksudkan telah dipersonifikasikan, iaitu mengambil sifat atau ciri yang dimiliki manusia. Beliau juga mengetengahkan metafora konsepsi *death is departure*, yang menghuraikan konsep *departure* (perlepasan) sebagai satu peristiwa (kematian).

Kajian Rabab'ah & al-Qarni (2012) pula memfokuskan aspek persamaan dan perbezaan yang wujud dalam kalangan penutur bahasa berlainan jantina dan darjah keformalan, melibatkan eufemisme kematian, pembohongan dan fungsi anggota badan. Menerusi kajian ini, didapati bahawa walaupun kebanyakan penutur lelaki dan perempuan menggunakan strategi eufemisme yang sama, namun penutur perempuan dilihat menggunakan lebih banyak eufemisme dalam berkomunikasi.

Lee (2011) pula meneliti metafora *relationship* (perhubungan) dan *death* (kematian) dalam tiga bahasa asli Austronesia yang dituturkan di Taiwan, iaitu Kavalan, Paiwan dan Seediq. Data bahasa-bahasa ini dibandingkan dengan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Pemilihan dua metafora sebagai fokus kajian dinyatakan sesuai dengan kepentingannya dalam kehidupan manusia, yang secara asasnya mempunyai perkaitan rapat secara emosi, sosial dan budaya. Topik kematian, bagi metafora bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin, didapati mempunyai persamaan, yang disifatkan sebagai sejagat, iaitu *death is a departure* dan *life is a journey*.

Dalam konteks kajian eufemisme masyarakat Melayu, penelitian pengkaji terdahulu didapati tertumpu pada huraian tentang eufemisme dalam penulisan kreatif dan kajian berdasarkan budaya penggunaannya dalam masyarakat. Misalnya, kajian yang meneliti eufemisme dalam novel dijalankan oleh Zuraidah (2009), dan Noor Hatini & Siti Saniah (2011). Zuraidah contohnya membandingkan unsur eufemisme dalam novel *Mereka Yang Tertewas* dan *Black Widow* dari sudut sosiolinguistik. Noor Hatini & Siti Saniah pula meneliti unsur eufemisme dalam novel *Papa dan Azfa Hanani* yang digunakan dalam pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) tingkatan 4, menggunakan kerangka Prinsip Kesopanan Leech (1993).

Penelitian eufemisme dalam konteks budaya masyarakat pula dijalankan oleh Teo Kok Seong (1995). Kajian ini meneliti aspek bahasa sopan, termasuklah unsur eufemisme dalam konteks budaya masyarakat Melayu. Menerusi kajian ini, penggunaan bahasa bagi penutur Melayu dibandingkan dengan penutur bukan Melayu seperti kaum Cina. Saidatul Nornis (2007) pula menyentuh aspek eufemisme dengan menurunkan

contoh yang lazim digunakan oleh penutur bagi mengungkapkan sesuatu yang bersifat tabu. Menerusi penulisan ini, potensi eufemisme dinyatakan boleh berubah bentuknya mengikut kesesuaian konteks akibat pengaruh dalaman serta luaran bahasa itu sendiri; misalnya kata “orang gaji” telah bertukar kepada “pembantu rumah”.

Dalam konteks Sarawak, kajian berkaitan eufemisme dijalankan oleh Maimunah (1999). Dalam huraian tentang kehidupan, bahasa dan adat resam MMS, khususnya di kawasan Kuching, unsur-unsur bahasa termasuklah eufemisme diterangkan dari sudut budaya. Makna ungkapan seperti “tinggal seluar sumbu”, “merah tapak kaki” dan “putus kerin” dihuraikan dan digambarkan situasi penggunaannya dalam konteks ayat serta dialog menggunakan dialek Melayu Sarawak. Kajian Abang Yusof Puteh (2005) turut menyentuh aspek eufemisme, selain penelitian dan perbincangan tentang aspek ekonomi, budaya, pemikiran, politik, dan bahasa MMS. Dalam perbincangan berkaitan dengan peraturan, undang-undang dan hukum adat MMS, penulis turut menyelitkan unsur eufemisme. Misalnya “menyelak kelambu orang” digunakan untuk memperkatakan perihal seseorang yang melakukan perbuatan tidak elok dan dilarang seperti mengganggu isteri orang.

Daripada kajian eufemisme yang dijalankan oleh pengkaji luar negara, didapati bahawa penelitian eufemisme (kematian) dari sudut semantik kognitif berupaya menjelaskan eufemisme berdasarkan mekanisme kognitif yang digunakan, misalnya metafora konsepsi. Dalam hal ini, pengkonsepsian ujaran tersebut berkait rapat dengan sudut pandang budaya dan kepercayaan mereka. Sungguhpun kajian eufemisme dalam negara yang telah dijalankan dapat memberikan sumbangan terhadap pengayaan ilmu, iaitu menerusi pendedahan jenis serta contoh eufemisme yang wujud dalam masyarakat Melayu, namun penelitian dari aspek pemikiran atau kognitif masyarakat Melayu dilihat kurang menyelerah.

Keadaan ini menimbulkan persoalan; apakah eufemisme, misalnya dalam topik kematian (pengurusan jenazah) yang wujud dalam masyarakat Melayu Sarawak? Bagaimanakah eufemisme ini dijelaskan pengkonsepsiannya dari sudut linguistik; dan bagaimanakah budaya Melayu dan agama Islam mempengaruhi pengkonsepsian eufemisme ini? Bagi merungkai persoalan ini, kajian ini cuba untuk meneliti aspek eufemisme pengurusan jenazah dari sudut semantik kognitif, satu cabang linguistik yang semakin mendapat tempat dalam kalangan ahli linguistik akhir-akhir ini.

## **METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI**

Bagi meneliti aspek eufemisme kematian dalam MMS, kajian ini memanfaatkan data dialek Melayu Sarawak yang diperoleh menerusi kajian lapangan. Pengumpulan data di lapangan melibatkan Kampung Panglima Seman Hulu dan Kampung Buntal, Kuching Sarawak. Informan<sup>1</sup> kajian ini terdiri daripada dua orang penutur lelaki dan dua orang penutur wanita dari setiap kampung, yang masing-masing berusia 40 tahun ke atas. Pemilihan informan dibuat atas faktor bahawa mereka merupakan penutur jati dialek Melayu Kuching dan dapat mewakili bentuk pertuturan masyarakat mereka. Informan juga telah lama terdedah dengan bahasa dan budaya masyarakat Melayu Sarawak, dan diandaikan dapat memberikan data kajian seperti yang diperlukan. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan Asmah (2001:48), iaitu “informan dalam usia 40-an hingga 60-an dapat membekalkan data dengan baik, lantaran mereka merupakan orang yang sudah dididik dan menjadi dewasa dalam bahasa berkenaan”.

Dalam kajian ini, kaedah temu bual diaplikasikan dalam proses mendapatkan data. Temu bual dijalankan secara dalam kumpulan mengikut soalan yang telah dirangka berdasarkan topik kematian. Penjelasan tentang eufemisme atau penggunaan bahasa halus dan tujuan kajian diberikan kepada informan sebelum temu bual dilakukan. Langkah ini dapat memudahkan informan memahami tujuan kajian, seterusnya memberikan maklumat yang diperlukan pengkaji. Kaedah pertanyaan secara langsung digunakan untuk mencungkil data tentang bahasa yang wujud dan digunakan oleh penutur dalam mengungkapkan tentang hal kematian dan pengurusan jenazah. Temu bual dirakamkan menggunakan alat perakam audio. Selain itu, kaedah catatan dilakukan untuk merekodkan data daripada informan.

Secara khusus, kajian ini meneliti empat eufemisme pengurusan jenazah yang digunakan oleh penutur Melayu Sarawak dalam urusan pengebumian, iaitu “disempurnakan”, “turun tanah”, “kebumi”, dan “disemadi”. Eufemisme ini didapati mempunyai perbezaan dalam pengkonsepsiannya. Pengkajian eufemisme MMS dari aspek semantik kognitif diusahakan untuk menunjukkan bahawa penggunaan eufemisme dalam masyarakat ini tidak berlaku secara sembarangan, tetapi berlandaskan mekanisme kognitif yang terstruktur, yakni berdasarkan pengalaman dan masyarakat penuturnya.

Eufemisme merupakan bentuk bahasa yang sangat berkait rapat dengan budaya sesebuah masyarakat. Dalam hal ini, bahasa yang



diujarkan lazimnya dipengaruhi oleh budaya sehari-hari penutur, yaitu menerusi pengalaman, pengamatan dan cara penutur melihat serta mentafsir sesuatu peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Bersesuaian dengan hal ini, data eufemisme dianalisis menggunakan kerangka teori semantik kognitif, iaitu bidang yang menitikberatkan pengkajian tentang struktur konsepsi dan proses pengkonsepsian yang berlaku dalam minda manusia. Pegangan yang penting dalam kajian berkaitan dengan bidang semantik kognitif ialah “*meaning is embodied*”. Dalam hal ini, makna dinyatakan sangat akrab hubungannya dengan aspek penjasadanan manusia, yakni berteraskan pengalaman individu penutur berasaskan latar dan alam sekelilingnya (Lakoff, 1987). Bagi meneliti pengkonsepsian eufemisme MMS berdasarkan teori ini, beberapa mekanisme kognitif dimanfaatkan untuk analisis data, iaitu skema imej, metafora konsepsi dan metonimi.

Skema imej digunakan untuk membantu pemahaman bagi penerangan makna kata yang bersifat abstrak. Secara khusus, skema imej memberi penekanan yang lebih kepada imej yang diperoleh oleh seseorang menerusi pengalamannya. Imej yang diperoleh ini “disimpan” dalam sistem kognisi manusia dalam bentuk yang tersusun dan sistematik agar imej ini kelak boleh “dicapai”, juga secara sistematik, dalam proses pemahaman dan penjelasan konsep yang baru (Salehuddin, 2009:138). Perbincangan skema imej akan melibatkan istilah seperti *trajector* (TR) dan *landmark* (LM). Istilah ini merupakan konsep asas nahu kognitif yang diterokai oleh Langacker (2008). Istilah ini juga digunakan oleh Lakoff (1987) bagi menjelaskan kerencaman makna perkataan *over*, seperti yang telah dikaji oleh Brugman (1981). Konsep TR dan LM diterapkan dalam kajian ini bagi menunjukkan hubungan antara suatu entiti dengan *landmark* atau “tanda tempat” dalam sesebuah skema imej.

Metafora konsepsi pula merujuk mekanisme kognitif yang membolehkan seseorang memahami satu domain konsepsi berdasarkan satu domain konsepsi yang lain (Lakoff, 1987). Domain konsepsi ini terdiri daripada domain sumber dan domain sasaran. Contohnya metafora konsepsi KEMATIAN ITU SATU DESTINASI dan KEMATIAN ITU BERTEMU DENGAN TUHAN (disesuaikan daripada *DEATH IS A DESTINATION DAN DEATH IS MEETING GOD*) menjelaskan konsep “kematian” sebagai domain sasaran menerusi unsur “satu destinasi” dan “bertemu dengan tuhan” sebagai domain sumber (Soliman, 2012).

Metonimi pula merujuk mekanisme kognitif yang digunakan untuk memahami metafora. Berdasarkan Lakoff & Johnson (1980:36),

*“metonymy has primarily a referential function, that is it allows us to use one entity to stand for another.”* Dengan perkataan lain, metonimi selalunya digunakan untuk fenomena rujukan. Entiti tersebut digantikan dengan nama salah satu ciri atau sifat rujukan tersebut (Rogayah, 2011). Metonimi juga merujuk entiti yang memberikan seseorang satu gambaran secara menyeluruh tentang entiti serta konsep yang lebih abstrak. Sebagai contoh, metonimi MENARA BERKEMBAR PETRONAS MELAMBANGKAN KEJAYAAN MALAYSIA dapat digunakan untuk menjelaskan kepada dunia betapa majunya Malaysia (Salehuddin, 2005:57).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hakikat kematian tidak dapat disanggah kerana kematian merupakan fenomena semula jadi kepada setiap unsur hidup, selaras dengan janji Allah yang bermaksud “Setiap yang bernyawa akan merasakan mati” (*Surah Ali ‘Imran*, 3:185). Dalam hal ini, umat Islam meyakini bahawa kematian akan dialami apabila tiba waktu yang telah ditentukan oleh Allah, seperti yang telah diwahyukan dalam *Surah al-An’am* (6:61); “... sehingga apabila sampai ajal maut kepada salah seorang antara kamu, lalu utusan-utusan Kami (malaikat) mengambil nyawanya; dan mereka itu (para malaikat) tidak cuai (dalam menjalankan kewajipan)”.

Apabila seseorang umat Islam meninggal dunia, seluruh kaum keluarga dan sahabat handai akan terkesan dengan “pemergian” (kematian) tersebut. Peristiwa ini lazimnya ditangani dengan berhati-hati, bukan sahaja dari segi prosedur pengurusannya, malah berkaitan dengan hal sosial termasuklah cara masyarakat memperkatakannya. Seajar dengan suasana kesedihan dan kehilangan yang timbul ekoran peristiwa kematian, cara berbahasa seseorang yang ingin memperkatakan hal kematian juga harus diperhalusi.

Dalam memperkatakan hal kematian, pengungkapan secara terbuka atau bahasa bersifat kasar serta boleh menyinggung perasaan individu yang rapat dengan si mati wajar dielakkan. Berdasarkan temu bual bersama-sama informan, ditemui ungkapan seperti “meninggal dunia”, “ninggal” (meninggal) dan “kembali ke rahmatullah” yang digunakan bagi memperkatakan kematian. Sementara itu, kata-kata seperti “jenazah”, “kebumi” atau “disemadikan” didapati digunakan untuk merujuk hal pengurusan jenazah. Penggunaan kata yang kasar dan tidak sesuai dengan konteks seperti “mayat”, “tanam”, “kambus” dan “timbus” pula tidak digunakan oleh penutur-walaupun maksud yang disampaikan adalah

sama. Penggunaan eufemisme yang lebih halus dan lembut sifatnya dalam sesuatu ujaran ini dapat mengelakkan penggunaan istilah tabu yang boleh menyebabkan kedukaan dan ketidakselesaan kepada pengujar dan pendengar (Allan & Burrige, 1991).

Bahagian yang berikut membincangkan beberapa mekanisme kognitif seperti skema imej, metafora konsepsi dan metonimi yang terlibat dalam pemanifestasian eufemisme pengurusan jenazah dalam MMS.

### **Skema Imej Bahagian-Keseluruhan**

Skema imej ini misalnya menggambarkan pengalaman tubuh badan manusia yang bertindak sebagai satu kesatuan yang lengkap, menerusi paduan anggota badan yang dimilikinya (Lakoff, 1987). Tidak terhad kepada pengalaman tubuh manusia, hubungan bahagian-keseluruhan ini menjangkau keadaan yang lain, misalnya dalam konsep agama. Contohnya, rukun Islam yang terdiri daripada lima elemen asas, iaitu (i) mengucap dua kalimah syahadah; (ii) mendirikan solat; (iii) berpuasa di bulan Ramadan; (iv) menunaikan zakat; (v) menunaikan haji di Mekah (sekiranya berkemampuan), merupakan satu bentuk kesatuan yang menyeluruh, yang menjadi teras asas seseorang Islam. Bahagian yang lima ini tidak dapat berdiri dengan sendiri atau dipisah-pisahkan; malah, setiap satunya harus disempurnakan menurut urutan, lantaran kewujudannya sebagai satu struktur yang lengkap diperlukan untuk menunjangi bentuk kesatuan umat Islam yang sempurna.

Berdasarkan maklumat informan, eufemisme “disempurnakan” digunakan oleh MMS untuk mengungkapkan perihal pengurusan jenazah. Misalnya menerusi contoh ayat berikut:


- (1) Bila jenazah tok nak disempurnakan?  
Bila jenazah ini hendak disempurnakan?

Dari sudut leksikal, “disempurnakan” lahir daripada kata adjektif “sempurna” dan ditakrifkan sebagai; (1) tidak ada cacat celanya (kekurangannya); (2) lengkap, tidak ada kekurangan; (3) baik lagi teratur (latihan dll); sudah selesai (tamat) dengan selamat atau sebaik-baiknya; (5) baik sekali, sesuai (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007:1442). Daripada definisi ini, dapat disimpulkan bahawa satu-satu entiti yang dianggap

sempurna ialah entiti yang baik, lengkap, tidak ada cacat celanya serta tiada sebarang kekurangan.

Menerusi data “*Bila jenazah tok nak disempurnakan?*”, wujud pemahaman bahawa terdapat satu entiti yang perlu berada dalam keadaan baik dan elok, serta lengkap dari semua aspek. Entiti yang dimaksudkan ialah empat perkara yang wajib diterima si mati sebagai haknya selepas meninggal dunia. Empat perkara wajib yang perlu dilaksanakan sebagai fardu kifayah kepada orang yang masih hidup ialah memandikan, mengapankan, menyembahyangkan dan mengbumikan jenazah.<sup>2</sup> Sebelum dikebumikan, jenazah sunat diletakkan di tempat tinggi sedikit seperti katil, dengan kaki dilunjurkan ke arah kiblat dan dialas kepalanya agar tinggi sedikit daripada kakinya (Said, 2012). Keadaan ini menunjukkan jenazah perlu dihormati dan ditunaikan haknya untuk diuruskan secara sempurna.

Gambaran skema imej yang relevan bagi mekanisme kognitif ini ialah skema imej Bahagian-Keseluruhan, seperti yang dipaparkan menerusi Rajah 1. Skema ini menggambarkan pengkonsepsian hubungan dan pergerakan antara trajektor (TR), iaitu hak si mati dengan beberapa landmark (LM) atau tanda tempat, yakni komponen urusan jenazah yang perlu dilaksanakan.



**Rajah 1** Skema imej Bahagian-Keseluruhan eufemisme MMS “disempurnakan”.

Berdasarkan Rajah 1, TR mewakili hak si mati, manakala LM yang berada di sekeliling TR merujuk empat komponen urusan jenazah yang wajib dilunaskan oleh mereka yang masih hidup kepada individu yang telah meninggal dunia; bermula dengan LM1 (dimandikan), diikuti oleh LM2 (dikapankan), LM3 (disembahyangkan), dan berakhir dengan LM4 (dikebumikan). Garis anak panah yang menunjukkan pergerakan TR merujuk urutan kesemua komponen yang perlu diselesaikan dan tidak boleh ketinggalan walaupun satu bahagian.

Untuk menjadikan proses pengurusan jenazah ini “sempurna”, jenazah tidak boleh dikebumikan sebelum dikapankan atau dimandikan, ataupun jenazah tersebut terus dikebumikan tanpa disembahyangkan. Sekiranya tertinggal sebahagian atau keseluruhan langkah, maka unsur kesempurnaan tidak akan terbentuk. Maka, secara jelas dilihat bahawa eufemisme “disempurnakan” dalam ujaran kematian MMS merupakan manifestasi gambaran skema bahagian-keseluruhan kerana pengurusan jenazah yang dianggap sempurna akan melibatkan keseluruhan prosedur. Prosedur pengurusan jenazah ini juga menunjukkan bahawa, dalam Islam, setiap kematian akan diuruskan secara lemah lembut dan berhemah serta diiringi dengan proses serta prosedur tersendiri bagi menghormati jenazah.

Eufemisme “disempurnakan” ini juga dapat dijelaskan pengkonsepsiannya menerusi metafora konsepsi PENGURUSAN JENAZAH ITU MENYEMPURNAKAN EMPAT HAK SI MATI. Pemetaan domain bagi metafora konsepsi ini dapat dilihat menerusi Rajah 2 yang berikut:

Berdasarkan Rajah 2, pemetaan yang berlaku merujuk pengkonsepsian penutur Melayu Sarawak tentang konsep MENYEMPURNAKAN EMPAT HAK SI MATI (dalam domain sumber) kepada pengurusan jenazah (dalam domain sasaran). Dalam hal ini, walaupun “pengurusan jenazah” bukanlah sesuatu

SUMBER	SASARAN
MENYEMPURNAKAN EMPAT HAK SI MATI	PENGURUSAN JENAZAH
Jenazah dihormati dan ditunaikan hak-haknya	→ Jenazah dimandikan, dikapankan, disembahyangkan, dan dikebumikan

**Rajah 2** Pemetaan domain semantik PENGURUSAN JENAZAH ITU MENYEMPURNAKAN EMPAT HAK SI MATI.

yang “tabu”, tetapi eufemisme masih berlaku di sini kerana “pengurusan jenazah” adalah lebih abstrak berbanding dengan “disempurnakan”. Melalui metafora konsepsi ini, konsep pengurusan jenazah dapat dijelaskan menerusi pengetahuan, pemerhatian atau pengalaman penutur tentang hak si mati yang perlu ditunaikan oleh individu yang menguruskan jenazah atau waris yang masih hidup. Dalam pelaksanaan kaedah ini, difahami bahawa Islam telah menentukan langkah-langkah khusus dalam hal pengurusan jenazah.

### Skema Imej Atas-Bawah

Skema Atas-Bawah asasnya menggambarkan keadaan sesuatu yang berada di atas itu lebih berkuasa berbanding dengan sesuatu yang berada di bawah. Skema ini dihubungkan dengan pengalaman tubuh badan manusia yang berada dalam keadaan menegak, dan lazimnya berkait dengan kesan daripada fenomena atas dan bawah itu sendiri. Dalam pengkonsepsian skema imej atas-bawah, Imran (2008:309) menjelaskan:

Skema konsepsian [atas] boleh dihuraikan sebagai satu hubung kaitan antara dua objek dalam satu orientasi ruang ufuk menegak; di mana satu entiti (trajektor) berada lebih tinggi daripada yang lain (tanda tempat) dalam ruang domain fizikal. Skema konsepsian [bawah] pula boleh dihuraikan sebagai satu hubung kaitan antara dua objek dalam satu orientasi ruang berdasarkan ufuk menegak; di mana (trajektor) berada lebih rendah daripada tanda tempat dalam domain ruang fizikal.

Data berikut menunjukkan penggunaan eufemisme “turun tanah” oleh penutur bagi mengungkapkan perihal pengurusan jenazah;

(2) Pukul berapa sidak turun tanah aritok?  
Pukul berapa mereka turun tanah hari ini?

(3) Hari turun tanah.  
Hari turun tanah


Secara harfiahnya, makna yang relevan dalam konteks perbincangan ini bagi kata “turun” ialah “dari tempat yang lebih tinggi ke tempat yang lebih rendah, dari atas ke bawah, lawan naik”, manakala “tanah” ditakrif

sebagai “lapisan bumi yang di atas sekali” (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007: 1744 & 1591).

Informan menjelaskan bahawa eufemisme “turun tanah” merupakan penggunaan khas untuk menunjukkan kerja-kerja membawa jenazah dari rumah ke kubur. Dari sisi Islam, proses membawa atau menghantar jenazah ke tanah perkuburan merupakan perlakuan yang digalakkan, mendapat ganjaran yang besar daripada Allah SWT dan termasuk dalam cabang iman. Hakikat ini dapat diteliti berdasarkan sabda Rasulullah SAW menerusi hadis riwayat al-Bukhari (*Ringkasan Shahih Bukhari*, 2012: 23), iaitu:

Daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah bersabda, “Barang siapa yang menghantarkan jenazah seorang Muslim kerana iman dan mengharapkan pahala daripada Allah dan ia terus bersamanya sampai jenazah itu disolati dan selesai dikuburkan, maka ia kembali dengan membawa pahala dua qirath. Setiap satu qirath seperti gunung Uhud. Dan barangsiapa yang mensalati jenazah kemudian ia kembali sebelum dikuburkan, maka ia kembali dengan membawa satu qirath.”

Dalam konteks “turun tanah”, berlaku orientasi dari atas ke bawah bagi jenazah yang dibawa turun dari rumah menuju ke tanah perkuburan. Skema ini dilihat signifikan kerana struktur rumah tradisional masyarakat Melayu Sarawak lazimnya dibina lebih tinggi bagi mengelakkan banjir atau gangguan binatang liar. Skema imej atas-bawah yang terlibat dalam pengkonsepsian eufemisme ini dipaparkan menerusi Rajah 3 yang berikut:



**Rajah 3.** Skema imej atas-bawah bagi eufemisme MMS “turun tanah”.

Berdasarkan skema imej dalam Rajah 3, TR (jenazah) dibawa dari LM1 (rumah kediaman) menuju LM2 (tanah perkuburan) untuk tujuan pengebumian. Representasi skema menunjukkan garis dan anak panah ialah proses membawa jenazah dari LM1 (satu kawasan yang lebih tinggi) ke LM2 (kawasan yang lebih rendah di tanah).

Pembentukan eufemisme pengurusan jenazah ini juga didorong oleh metafora konsepsi membawa jenazah ke tanah perkuburan itu turun tanah. Menerusi metafora konsepsi ini, berlaku pemetaan daripada domain sumber (turun tanah) kepada domain sasaran (membawa jenazah ke tanah perkuburan). Merujuk kerja pengurusan jenazah, setiap jenazah akan dimandikan, dikapankan, disembahyangkan, dan dikebumikan. Bagi kerja pengebumian jenazah, lazimnya jenazah akan dibawa ke tanah perkuburan oleh pihak yang menguruskan jenazah, waris, saudara, rakan-rakan, dan sebagainya. Bagi MMS, pengalaman dan pemahaman mereka berkaitan dengan kerja membawa jenazah dari rumah ke tanah perkuburan dinyatakan sebagai “turun tanah”. Hal ini bermungkinan kerana lazimnya rumah-rumah masyarakat MMS dibina di atas tiang-tiang yang tinggi bagi melindungi penghuni rumah tersebut daripada ancaman binatang liar dan juga banjir. Pemetaan domain bagi metafora konsepsi ini dapat ditunjukkan menerusi Rajah 4.

Metonimi tanah melambangkan tempat jenazah dikebumikan juga didapati dapat menyokong pengkonsepsian eufemisme kematian MMS. Metonimi dapat difahami berdasarkan ciri sesuatu unsur yang mampu menerangkan unsur yang lain. Dalam hal ini, “tanah” dapat difahami sebagai satu elemen konkrit yang berupaya menjelaskan tentang lokasi jenazah dimasukkan setelah seseorang meninggal dunia.

SUMBER	SASARAN
TURUN TANAH	MEMBAWA JENAZAH KE KUBUR
Kerja membawa jenazah dari rumah ke tanah perkuburan	→ persediaan untuk menguburkan jenazah
Tanah ialah tempat jenazah diletakkan	→ jenazah diuruskan sebelum dikebumikan

**Rajah 4** Pemetaan domain semantik MEMBAWA JENAZAH KE TANAH PERKUBURAN.



## Skema Imej Bekas

Asasnya, skema imej Bekas mempunyai struktur sempadan (*boundary*) yang membezakan dalaman (*interior*) daripada luaran (*exterior*) (Lakoff, 1987). Selain itu, manusia biasanya menganggap sesuatu yang ada di sekelilingnya sebagai bekas yang membahagikan sebarang entiti yang di dalamnya dengan entiti yang ada di luarnya. Maka, dalam linguistik kognitif, skema imej Bekas digunakan untuk menginterpretasikan pengalaman (Salehuddin, 2009).

Penelitian terhadap data (4), (5) dan (6) menunjukkan bahawa skema imej bekas signifikan bagi ujaran eufemisme “kebumi”, “dikebumi” dan “disemadi”. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam konteks ini, “bumi” dianggap sebagai sebuah “bekas”, iaitu tempat jenazah dimasukkan ke dalam bumi (tanah) dalam proses pengebumian.

(4)	Sinenya	kebumi	tok?
	Di mana dia	dikebumikan	ini?

(5)	Nya	dah	dikebumi	tek.
	Dia	sudah	dikebumi	tadi.

(6)	Nak	disemadi	sine?
	Hendak	disemadikan	di mana?

Bagi tujuan memperkatakan hal pengurusan jenazah, informan<sup>3</sup> menjelaskan bahawa, faktor penggunaan bahasa, sama ada bahasa bersifat biasa, kasar ataupun eufemisme, bergantung pada situasi dan individu yang menuturkannya. Misalnya, dalam konteks yang lebih formal, orang yang disegani dalam masyarakat seperti ketua kampung, ahli agama, orang terpelajar dan seumpamanya dikatakan lazim menggunakan eufemisme agar penggunaan bahasa untuk merujuk keadaan atau peristiwa kematian itu kedengaran lebih halus atau lebih sopan.

Informan juga menjelaskan bahawa penggunaan “dikubor” (dikubur) dan “ngubor” (menguburkan) dalam contoh ayat (7) dan (8) dianggap sebagai bahasa yang biasa dan tidak menyinggung mana-mana pihak. Sungguhpun demikian, kata “ditanam” seperti dalam data (9) dianggap kasar dan lazim digunakan untuk merujuk unsur bukan manusia. Namun, dalam sesetengah konteks, perkataan tersebut digunakan juga kepada kaum

bumiputera yang lain, misalnya Iban dan Bidayuh. Penggunaan bahasa ini kepada golongan bukan Muslim hanyalah disebabkan kelaziman berbahasa dalam MMS, dan bukan bertujuan untuk meminggirkan kesantunan terhadap kaum tersebut.

(7) Bila nak dikubor urang tek?  
Bila hendak dikubur orang tadi?

(8) Nak pegi ngubor.  
Hendak pergi menguburkan.

(9) Udah ditanam.  
Sudah ditanam.


Data eufemisme (7) dan (8), iaitu “dikubor” dan “ngubor” misalnya menjurus kepada pengkonsepsian metonimi KUBUR MELAMBANGKAN PENGEBUMIAN SESEORANG. Metonimi asasnya untuk fenomena rujukan, iaitu sesuatu entiti diganti dengan nama salah satu ciri atau sifat rujukan tersebut. Dalam fenomena rujukan ini, gambaran menyeluruh tentang entiti serta konsep yang lebih rumit akan diperolehi. Kata yang mendasari kedua-dua eufemisme tersebut ialah “kubur”. Kata ini didefinisikan sebagai 1. tempat menanam mayat, makam; ahli ~ orang-orang yg sudah meninggal dunia; 2. = lubang (liang) ~ lubang (liang) di tanah tempat menanam mayat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007: 837). Daripada pengertian ini, jelas bahawa konsep “kubur” begitu akrab dengan peristiwa jasad seseorang dikebumikan setelah meninggal dunia. Maka, metonimi KUBUR MELAMBANGKAN PENGEBUMIAN SESEORANG digunakan untuk menjelaskan fenomena mengkebumikan seseorang yang telah meninggal dunia.

Berbalik kepada data (4) dan (5), eufemisme “kebumi” dan “dikebumi” lahir daripada kata “bumi” yang didefinisikan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007:220) sebagai; 1. planet tempat kita tinggal, yang ketiga jauhnya dari matahari, dunia; dan 2. permukaan bumi dan tanah, sementara “mengebumikan” pula bermakna “menanam” dan “menguburkan”. Bagi kata “semadi” seperti dalam kata terbitan “disemadi” dalam data (6) pula, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007:1431) menyetarakannya dengan kata = bersemadi, dan mendefinisikannya sebagai 1. mengheningkan cipta dan memusatkan fikiran: sedang ia bersemadi di gua Hira tiba-tiba datang

seorang yg tidak dikenalnya dan memberi salam kepadanya; 2. ki kekal: perasaannya sudah masuk ke otaknya dan ~ di situ; di situlah rupanya ~ Raja dan Rani dewa dewi percintaan; menyemadikan mengembumikan, menguburkan: jenazahnya telah selamat disemadikan di tanah perkuburan Islam di situ; persemadian perihal bersemadi. Takrifan ini jelas menunjukkan bahawa kata-kata “kebumi”, “dikebumi” dan “disemadi” dihubungkan dengan perihal memasukkan jenazah ke dalam tanah untuk tujuan pengebumian.

Gambaran skema imej Bekas untuk eufemisme ini dikemukakan menerusi Rajah 5. Skema ini menyatakan hubungan antara satu *trajektor* (TR) dan *landmark* (LM), iaitu menjelaskan lokasi trajektor (jasad atau jenazah) dalam mana-mana keadaan lingkungan tanda tempat (sama ada alam dunia atau alam kubur).

Berdasarkan Rajah 5, trajektor yang diwakili oleh TR merujuk jasad manusia. Selepas berlakunya kematian, jasad (dari alam dunia) akan dipindahkan masuk ke alam kubur (barzakh), iaitu “alam yang membawa kematian menuju hari kebangkitan, ataupun pemisah yang membatasi antara dunia dan akhirat” (Miftahul Asror, 2015:10). Skema ini menunjukkan kewujudan TR dalam dua lingkungan berbeza, iaitu alam dunia yang diwakili oleh LM1, dan alam kubur (barzakh), LM2. Kewujudan alam



**Rajah 5.** Skema imej Bekas bagi eufemisme MMS “kebumi”, “dikebumi” dan “disemadi”.

kubur (barzakh) atau akhirat ini wajib diyakini oleh seluruh umat Islam, seperti yang dituntut dalam rukun iman kelima, iaitu beriman kepada hari akhirat, yang merupakan satu alam yang dikategorikan sebagai perkara-perkara ghaib. Dalam konteks perbincangan ini, jasad akan “masuk atau dimasukkan ke dalam bumi” setelah berlakunya proses pengebumian atau persemadian jenazah. Maka, dapat disimpulkan bahawa wujud orientasi satu entiti, iaitu jasad manusia (TR) melibatkan dua lingkungan atau “bekas” yang berbeza.

“Bekas” yang dimaksudkan ialah LM1 (alam dunia) dan LM2 (alam kubur) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Hal ini dikatakan demikian kerana umat Islam akan dikebumikan di dalam tanah yang disebut sebagai liang lahad, iaitu tempat persemadian terakhir bagi jasad yang telah kehilangan roh. Keadaan ini menepati hakikat kejadian dan kematian manusia, seperti yang dijelaskan dalam al-Quran menerusi *Surah Taha* (20: 55), iaitu “Dari bumi (tanah) itulah Kami menjadikan kamu dan kepadanya Kami akan mengembalikan kamu dan daripadanya Kami akan mengeluarkan kamu pada kali yang lain”.

Pembentukan eufemisme pengurusan jenazah dalam MMS yang dibincangkan ini juga didasari oleh metafora konsepsi KEMATIAN ITU PERPINDAHAN LOKASI. Menerusi eufemisme “kebumi”, “dikebumi” dan “disemadi”, jasad difahami sebagai satu entiti fizikal yang boleh berubah kedudukannya, yakni dari satu tempat sedia ada ke satu tempat yang lain (kubur) setelah berlakunya peristiwa kematian. Metafora ini memetakan konsepsi penutur tentang “perpindahan lokasi” yang melibatkan jasad dalam domain sumber kepada konsep “kematian” dalam domain sasaran.

Pemetaan domain bagi metafora konsepsi ini dapat diringkaskan menerusi Rajah 6 yang berikut:

SUMBER	SASARAN
PERPINDAHAN LOKASI	KEMATIAN
jasad dimasukkan ke liang lahad	→ roh tiada di dalam tubuh
jasad berubah kedudukan, dari tempat sedia ada ke dalam kubur	→ jasad dikebumikan setelah meninggal dunia

**Rajah 6** Pemetaan domain semantik KEMATIAN ITU PERPINDAHAN LOKASI.

Merujuk Rajah 6, “kematian” yang abstrak sifatnya dan dirujuk sebagai domain sasaran dapat dijelaskan menggunakan entiti yang lebih konkrit, iaitu gerak perpindahan entiti fizikal (jenazah) melibatkan lokasi berbeza, yang dirujuk dalam domain sumber. Melalui metafora konsepsi, ciri perpindahan jenazah berupaya menerangkan konsep kematian. Hal ini sejajar dengan kenyataan Siläski (2011: 2), iaitu “*conceptual metaphor allows us to systematically map the structure of the source domain (euphemism expressions) onto the structure of the target domain (taboo expression).*”

## **KESIMPULAN**

Makalah ini telah membincangkan eufemisme kematian dalam MMS, khususnya yang berkait rapat dengan hal pengurusan jenazah. Ungkapan “kebumi”, “disemadi”, “turun tanah”, dan “disempurnakan” didapati menggambarkan pengkonsepsian eufemisme yang wujud dalam pemikiran penutur. Menerusi analisis yang dijalankan, ternyata bahawa penutur Melayu Sarawak mengungkapkannya bahasa halus mereka berdasarkan pengalaman budaya berbahasa yang penuh kesantunan dan penghormatan terhadap peristiwa kematian serta rasa timbang rasa terhadap perasaan individu yang terlibat dalam situasi tersebut. Kesimpulannya, analisis eufemisme MMS berdasarkan teori semantik kognitif dilihat menyerlahkan sisi kognitif MMS yang dibentuk oleh adab Melayu dan agama Islam. Melalui eufemisme yang wujud dalam dialek ini, penutur Melayu Sarawak juga melakukan pengkonsepsian dalam pemikiran mereka, yang dilandaskan kepada pentaakulan kognitif.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua informan yang terlibat dalam kajian ini, iaitu Encik Abdul Malek bin Hj. Buang, Encik Jaeman bin Haron, Puan Maimunah bt. Bujang, dan Puan Siti Jayah bt. Bujang (Kampung Panglima Seman Hulu, Kuching); dan Encik Rezli bin Libar, Encik Zaidi bin Mojer, Puan Sulbiah bt. Bolhi, dan Puan Jamayah bt. Rosli (Kampung Buntal, Kuching).

## NOTA

1. Informan kajian ini terdiri daripada penduduk Kampung Panglima Seman Hulu, Kuching, iaitu Puan Maimunah bt. Bujang (63 tahun), Puan Siti Jayah Hapiah bt. Bujang (70 tahun), Encik Jaeman bin Haron (60 tahun), dan Encik Abdul Malek bin Hj. Buang (49 tahun). Informan dari Kampung Buntal, Kuching pula ialah Puan Sulbiah bt. Bolhi (46 tahun), Puan Jamayah bt. Rosli (41 tahun), Encik Rezli bin Libar (51 tahun), dan Encik Zaidi bin Mojer (47 tahun). Temu bual telah dijalankan pada 4 dan 11 September 2014.
2. Makalah ini hanya membincangkan hal pengurusan jenazah yang umum, melibatkan empat perkara yang wajib dilaksanakan terhadap setiap jenazah umat Islam. Perbincangan ini tidak memfokus pada pengurusan jenazah yang mendapat pengecualian dan kelonggaran daripada hukum ini, seperti mati syahid. Bagi orang yang mati syahid (misalnya mati dalam peperangan kerana menegakkan agama Islam), jenazahnya, hanya wajib dikapankan dan dikebumikan; dan haram bagi mereka yang hidup itu memandikan dan menyembahyangkan jenazah mereka yang mati syahid (Said, 2012).
3. Encik Abdul Malek bin Hj. Buang, informan Kampung Panglima Seman Hulu, Kuching.

## RUJUKAN

- Abang Yusuf Puteh, 2005. *A Profile of Sarawak Malays*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Allan, K. & Burridge, K., 1991. *Euphemism & Dysphemism: Language Used as Shiled and Weapon*. Oxford: Oxford University Press.
- Al-Quran al-Karim* (Al Haramain 7 Dalam 1), 2013. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar, 2001. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berendt, E. A., 2012. "The Conceptual Instruments Used in Contemporary Religious Discourse of Death and Dying: The Case of Japanese and English" dlm. Berendt, E. A. (ed.). *Facing Finality: Cognitive and Cultural Studies on Death and Dying*, hlm. 67-78. [http://commcourses.com/iic/wp-content/uploads/2011/10/PDF-COVER-ART\\_Facing-Finality-updated-2012.pdf](http://commcourses.com/iic/wp-content/uploads/2011/10/PDF-COVER-ART_Facing-Finality-updated-2012.pdf) (capaian 27 Januari 2014).
- Imran Ho Abdullah, 2008. "Frasa Sendi Nama di atas dan di bawah" dlm. Zaharani Ahmad (ed.). *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*, 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, G., 1987. *Woman, Fire and Dangerous Things: What Categories Reveal about the Mind*. Chicago: The University of Chicago Press.

- Lakoff, G., 1992. "The Contemporary Theory of Metaphor" dlm. <http://terpconnect.umd.edu/~israel/lakoff-ConTheorMetaphor.pdf> (capaian 9 Desember 2013).
- Lakoff, G. & Johnson, M., 1980. *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Langacker, Ronald W., 2008. *Cognitive Grammar: A Basic Introduction*. New York: Oxford University Press.
- Lee, A. P., 2011. "Metaphorical Euphemisms of RELATIONSHIP and DEATH in Kavalan, Paiwan and Seediq" dlm. *Oceanic Linguistics* 50:2, hlm. 351-80, dlm. [http://content.ebscohost.com/www.ezplib.ukm.my/pdf27\\_28/pdf/2011/7SS/01Dec11/67631617](http://content.ebscohost.com/www.ezplib.ukm.my/pdf27_28/pdf/2011/7SS/01Dec11/67631617). EbscoContent=dGJyMNHX8kSep684yNfsOLCmr0yepdrdSsqu4SbOWxWXS&ContentCustomer=dGJyMPGntVCur7NPuePfgex44Dt6fIA (capaian 11 Januari 2014).
- Maimunah Daud, 1999. *Glimpses of Malay Life in Sarawak*. Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak.
- Miftahul Asror Malik, 2015. *Misteri Hidup Selepas Mati: Ajal Tidak Menunggu Taubat*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Mohammed Azlan Mis, "Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa" dlm. *Gema OnlineTM Journal of Language Studies*, Vol. 10:2, hlm. 97-116, 2010.
- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar, "Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani" dlm. *Jurnal Bahasa* 11:1, hlm. 83-108, 2011.
- Origin of Euphemisme. [Online] dlm. [www.merriam-webster.com](http://www.merriam-webster.com)
- Rabab'ah, G. & Al-Qarni, A. M., "Euphemism in Saudi Arabic and British English" dlm. *Journal of Pragmatics* 44, hlm. 730-43, 2012.
- Ringkasan Shahih Bukhari Imam Az-Zubaidi*, 2012. Diterjemah oleh Arif Rahman Hakim. Jawa Tengah: Penerbit Insan Kamil Solo.
- Rogayah Osman, 2011. "*Kesisteman Metafora dalam Makna Simpulan Bahasa: Satu Analisis Semantik Kognitif*". Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said Hj. Ibrahim, 2012. "Panduan Menyelenggarakan Jenazah dan Persoalannya Edisi Kelima" dlm. [http://www.islam.gov.my/sites/default/files/e-penerbitan/panduan\\_jenazah\\_optimize.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/e-penerbitan/panduan_jenazah_optimize.pdf) (capaian 14 September 2015).
- Saidatul Nornis Haji Mahali, 2007. *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Salehuddin, K., 2005. "Pembinaan Semula Ummah: Cabaran Dr. Mahathir dari Perspektif Semantik Kognitif" dlm. Khazriyati Salehuddin, Azhar Jaludin & Nor Hashimah Jalaluddin (ed.). *Pembinaan Negara Bangsa: Persepsi, Reaksi dan Manifestasi*. Bangi: Pusat Pengajian Bahasa & Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salehuddin, K., 2009. "Metafora Melayu dalam Mendidik Anak: Analisis

- Semantik Kognitif” dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (ed.). *Linguistik Teori dan Aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siläski, N., 2011. *Metaphors and Euphemisms – The Case of DEATH in English and Serbian* dlm. [https://www.academia.edu/5240801/Silaski\\_N.\\_2011.\\_METAPHORS\\_AND\\_EUPHEMISMS\\_-\\_THE\\_CASE\\_OF\\_DEATH\\_IN\\_ENGLISH\\_AND\\_SERBIAN](https://www.academia.edu/5240801/Silaski_N._2011._METAPHORS_AND_EUPHEMISMS_-_THE_CASE_OF_DEATH_IN_ENGLISH_AND_SERBIAN). *Filosofski pregled* 38\_2\_101-114 (capaian 14 Disember 2013).
- Soliman, Alaaeldin, E., 2012. “The End of Death: The Conceptual Metaphor Patterns of Death in Arabic” dlm. Berendt, E. A. (ed.). *Facing Finality: Cognitive and Cultural Studies on Death and Dying*, hlm. 130-47. [http://commcourses.com/iic/wp-content/uploads/2011/10/PDF-COVER-ART\\_Facing-Finality-updated-2012.pdf](http://commcourses.com/iic/wp-content/uploads/2011/10/PDF-COVER-ART_Facing-Finality-updated-2012.pdf) (capaian 27 Januari 2014).
- Teo Kok Seong, 1995. “Tahu Bahasa/Tak Tahu Bahasa: Persoalan Bahasa, Budaya dan Komunikasi” dlm. Hanapi Dollah & Lokman Mohd. Zen (ed.). *Kebudayaan Melayu Baru di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuraidah Jantan, “Unsur Eufemisme dalam Novel Melayu: Satu Manifestasi Kesopanan Bahasa” dlm. *Jurnal Aswara*, 3:1, hlm. 137-64, 1995.